

06/09/2000

Internet senjata perangi fitnah

Hardi Effendi Yaacob; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan tidak bercadang mengekang penggunaan Internet di kalangan rakyat tempatan, sebaliknya akan menjadikan ia sebagai satu senjata untuk memerangi dakyah, fitnah serta tohmahan yang disebarakan melaluinya.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata walaupun Internet kerap diguna bagi menabur fitnah, manfaatnya dalam pelbagai aspek lain tidak dapat dinafikan dan tindakan mengekang kebebasan Internet hanya merugikan rakyat.

"Caci mencaci sudah menjadi perkara biasa bagi mereka yang menulis dalam Internet, malah fitnah dalam Internet turut dicetak serta diedarkan secara berleluasa dan perlu dibanteras seberapa segera.

"Justeru, kerajaan akan memanfaatkan Internet bagi memerangi gejala negatif terbabit selain merumus beberapa langkah sampingan untuk menerangkan keadaan sebenar dan menyampaikan maklumat yang sahih kepada rakyat

"Kesedaran masyarakat perlu dipupuk supaya jangan menyalahgunakan Internet kerana amalan ini boleh menjejaskan imej serta nama baik negara," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penganugerahan sijil MS ISO 9002 kepada unit penerbitan berita dan ehwal semasa radio, RTM, oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau sedih kerana ketika orang lain di seluruh dunia menggunakan Internet untuk perkara yang berfaedah, rakyat tempatan menggunakannya sebagai untuk menyebarkan surat layang.

Sementara itu, Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno, berkata beliau sendiri menjadi mangsa tohmahan apabila pada 26 Julai lalu, pihak tertentu menggunakan jawatan dan surat rasmi parti untuk menyebarkan fitnah melalui Internet.

Antara lain, kandungan surat itu mendakwa Umno ada mengedar pekeliling bahawa sesiapa pun tidak dibenarkan memakai kopiah putih ketika menghadiri majlis atau program yang disertai Dr Mahathir.

Surat itu kononnya ditandatangani Setiausaha Agung Umno dan menyatakan mengenai cara berpakaian ketika menghadiri majlis anjuran Umno, terutama program yang dihadiri Perdana Menteri.

Surat terbabit, yang ditujukan kepada Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri, menyatakan anggota Umno, anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) dan kakitangan kerajaan dilarang memakai kopiah putih, berjanggut dan berserban putih kerana kononnya pakaian demikian tidak disenangi oleh Dr Mahathir.

Khalil berkata, tindakan itu adalah satu lagi cara memfitnah untuk mewujudkan kebencian kepada parti serta pemimpin dan kerajaan akan mengambil semua langkah sewajarnya bagi menangkis dakyah terbabit secara berterusan.

Sementara itu, beliau berkata pelajar juga perlu diberi kesedaran mengenai faedah dan keburukan penggunaan Internet bagi membantu mereka menentukan apa yang benar mengenai isu yang disebarakan secara meluas melalui media itu.

"Pendidikan mengenai penggunaan Internet seharusnya bermula dari sekolah dengan Kementerian Pendidikan memainkan peranan utama," katanya.

Khalil berkata, sekolah seharusnya menasihati pelajar bahawa tidak semua

yang disiarkan dalam Internet itu benar dan memberi penjelasan kepada mereka bagaimana internet dikendalikan dan faedah yang boleh diperolehi daripada penggunaannya.

(END)